

BAB 2

PERBAHASAN TENTANG TEORI HURUF NAFI

2.1 PENDAHULUAN

Perbahasan tertumpu kepada perihal huruf nafi yang terdapat dalam bahasa Arab dari sudut makna dan fungsi. Setiap satu huruf akan dihuraikan dari segi makna dan fungsi penggunaannya dalam bahasa Arab.

Pemakaian satu-satu huruf nafi dalam ayat akan lebih difahami dengan keterangan dan kepelbagaian penggunaan dan disokong dengan hujah oleh para ilmuan nahu Arab. Dalam hal ini, unsur-unsur sintaksis lebih ditekankan untuk mengetahui ketepatan dan kesahan penggunaan huruf nafi dalam ayat. Untuk tujuan ini, pendapat-pendapat serta hujah akan dikemukakan dan kita akan temui kepelbagaian pendapat serta dalil-dalil yang belum pernah kita terokai sebelum ini.

Kajian mendalam adalah penting. Adalah menjadi suatu kelaziman bagi para pengkaji masa kini meneroka kajian mereka untuk mencari punca serta sebab, mengapa dan kenapa sesuatu situasi dan keadaan konteks nahu boleh berlaku.

Atas sebab kesedaran inilah kita harus memahami setiap perbahasan agar ilmu yang bakal disampaikan dapat dimanfaatkan dan digunakan di atas landasan yang betul supaya tujuan asal kita mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dapat dicapai.

2.2 DEFINISI HURUF NAFI

2.2.1 Definisi Huruf

Menurut Kamus Dewan edisi ketiga huruf ialah lambang dalam sistem bunyi bahasa yang daripadanya sesuatu perkataan dalam tulisan dibentuk, lambang-lambang abjad. Manakala nafi ialah perkataan Arab bermaksud penolakan atau penyangkalan.¹

Ibra:hi:m Anis ‘Abd Ḥali:m, ‘Aṭiyyaṭ al-Suwayliḥiyy, Khalf Allah Aḥmad menyatakan tentang dari segi bahasa sebagai cenderung dan mengubah sesuatu². Ibnu Manzu:r pula membuka bicara berkenaan حَرْفٌ dengan mengatakan huruf adalah daripada ejaan³. Ia merupakan partikel yang dinamakan sebagai penghubung kata. Ini adalah kerana ia menghubungkan kata nama dengan kata nama dan kata kerja dengan kata kerja seperti عَن , عَلَى dan sebagainya. Muhammad al-‘Adna:niy حَرْفٌ mempunyai banyak makna dan beliau lebih cenderung menyatakan الحَرْفُ ialah setiap satu dari *mabniy* ada dua puluh lapan yang disusun menjadi kalimah yang dinamakan ejaan⁴.

Ulama nahu mentakrifkan tentang huruf dari aspek nahu Arab seperti dirakamkan oleh Fu’a:d Ni‘maṭ, bahawa huruf merupakan kalimah yang tidak memberi apa-apa maksud melainkan jika digandingkan dengan suatu kalimah yang lain. Huruf yang terdapat dalam bahasa Arab tidak lebih daripada lapan puluh perkataan sahaja yang *mabniy*⁵.

Al-Ghala:yiniy dalam mengkategorikan perkataan Arab dalam muqaddimah kitab *Jami’ al-Duru:s al-‘Arabiaṭ* menakrifkan الحَرْفُ ialah apa yang menunjukkan makna bila bersama perkataan lain seperti هَلْ - فِيْ - لَمْ - عَلَى - اِنْ - مِنْ - ⁶. Tidak terdapat tanda-

¹ Kamus dewan edisi ketiga

² Mu’jam Wasiṭ hlm 167

³ Lisa:n al-‘Arab jld 9 hlm 41

⁴ Mu’jam Aghlaṭ Lughawiyyaṭ al-Mu’a:ṣaraṭ hlm 149

⁵ Mulakhkhaṣ Qawa:īd al-Lughat al-‘Arabiaṭ hlm 147

⁶ Ja:mi’ al-Durus al-‘Arabiyat jld1 hlm 12

tanda khusus sebagaimana kata nama dan kata kerja. Ia tidak boleh diduaankan dan juga tidak boleh dikasuskan dengan baris *tanwin*.¹ Ia terbahagi kepada tiga bahagian :

1. Khusus untuk kata nama seperti jarr :

Contoh: مِنَ الْمَدْرَسَةِ (dari sekolah), إِلَى الْمَدِينَةِ (ke bandar)

Keterangan : مِنَ dan إِلَى ialah jarr yang mendepani kata nama الْمَدْرَسَةِ dan الْمَدِينَةِ

2. Berfungsi mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat :

Contoh: إِنَّ الطَّالِبَ مُجْتَهِدٌ (Sesungguhnya pelajar itu rajin)

Keterangan : إِنَّ ialah yang mendepani ayat nominal serta mengubah hukum subjek menjadi subjeknya dan predikat menjadi predikatnya.

3. Digunakan mendepani kedua-dua kata nama dan kata kerja seperti ‘*atf*’ dan *istifha:m*.²

Contoh dalam firman Allah dari ‘*atf*’:

﴿إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ﴾³

Terjemahan :

Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat, sedang mereka ruku’ (tunduk menjunjung perintah Allah)

Keterangan : واو ‘*atf*’ yang bergaris nipis digunakan mendepani kata nama dan واو ‘*atf*’ yang bergaris tebal mendepani kata kerja.

¹ Uşul al-Nahwi hlm 108

² Huruf *istifha:m* هل dan همزة sementara selainnya adalah kata nama.

³ Surah al-Ma’ida’ ayat 55

2.2.2 Definisi Nafi

Perkataan نَفِيٍّ - يَنْفِي - نَفْيًا *na:qiṣ* adalah berasal dari kalimah kata kerja *na:qiṣ* نَفِيَ bererti cenderung kepada sesuatu yang lain.¹ Ibrahim Anis dan rakan-rakannya berkata ia bererti pergi ke suatu sudut dan menjauhkannya.² Sementara Zakariya al-Anṣariy menyatakan bahawa النَّفْيُ ialah perkataan yang menunjukkan penafian sesuatu³.

Al-Jurja:ni menyebut :⁴

النَّفْيُ : هُوَ مَا لَا يَنْجِزُ بِلاَ وَهُوَ عِبَارَةٌ عَنِ الْأَخْبَارِ عَنِ تَرْكِ الْفِعْلِ

- ialah apa yang tidak menjazamkan dengan (لَا النَّاهِيَّةَ) dan ia merupakan suatu pemberitahuan untuk meninggalkan sesuatu perbuatan.

Nik Safiah Ibrahim serta rakan-rakannya menyatakan bahawa kata nafi ialah unsur yang menyatakan maksud nafi atau negatif kepada unsur utama dalam predikat itu⁵. Ahli-ahli bahasa Arab muta'akhkhir pula merakamkan dalam *Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy*⁶ dengan memberikan empat takrif tentang perkataan نَفَى :

1. نَفَى الشَّيْءُ bererti engkar dan mendustainya.
2. نَفَى الشَّخْصُ bererti mengeluarkan dan mengusirnya keluar dari negeri.
3. نَفَى الْحَادِثُ bererti berita itu tidak terjadi.
4. Dalam ilmu nahu نَفَى الْخَبَرِ ialah memasukkan salah satu nafi seperti لَا يَفْهَمُ مَا يُقَالُ لَهُ (dia (sekarang) tidak faham apa yang dicakapkan kepadanya).

¹ Lisan al-'Arab jld 15 hlm 336

² Mu'jam Wasiṭ hlm 943

³ Al-Ḥudu:d al-Ani:qaṭ wa al-Ta'ri:fa:t al-daqi:qaṭ hlm 84

⁴ Al-Ta'ri:fa:t hlm 315

⁵ Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga hlm 493

⁶ Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy hlm 1219

2.2.3 Definisi Huruf Nafi

Daripada takrif-takrif tentang dan takrif-takrif tentang nafi sebagaimana yang telah dinyatakan dapat disimpulkan bahawa nafi ialah suatu perkataan yang digunakan dalam percakapan atau perlambangan untuk menyatakan keingkaran terhadap sesuatu kenyataan seperti *هُوَ يَفْهَمُ شَيْئًا* (*dia (sekarang) memahami sesuatu*) manakala dalam bentuk nafi pula *هُوَ لَا يَفْهَمُ شَيْئًا* (*dia (sekarang) tidak memahami sesuatu*). Kenyataan pertama telah dinafikan dengan kenyataan kedua.

Ibnu Sira:j menyebut bahawa ayat nafi ialah seseorang menafikan pendirian positif dari aspek keadaan dan bentuknya¹. Ibnu Jinniy telah menyentuh lebih lanjut tentang ayat ini dalam bab *al-salbiy* dengan menegaskan bahawa jika kamu ingin menafikan sesuatu maka ikutilah perkataan kamu itu dengan huruf nafi² seperti :

1. مَا فَعَلَ (*dia tidak lakukan (kala lepas)*)
2. لَمْ يَفْعَلْ (*dia tidak lakukan (kala lepas)*)
3. لَنْ يَفْعَلَ (*dia tidak akan lakukan*)
4. لَا تَفْعَلْ (*awak tidak melakukan*) dan sebagainya.

Penggunaan nafi di dalam sesuatu ayat bahasa Arab telah menjadikan ayat tersebut dikenali sebagai *الْجُمْلَةُ الْخَبَرِيَّةُ الْمُنْفِيَّةُ* (*ayat pernyataan penafian*). Ini bermakna segala *الْجُمْلَةُ الْخَبَرِيَّةُ الْمُثَبَّتَةُ* (*ayat pernyataan tanpa penafian*) boleh dijadikan *الْجُمْلَةُ الْخَبَرِيَّةُ الْمُنْفِيَّةُ* (*ayat pernyataan penafian*) dengan penambahan penafian. Daripada huruf penafian yang biasa digunakan di dalam bahasa Arab ialah *لَا ، لَاتَ ، لَنْ ، لَمْ ، لَمَّا ، مَا ، إِنَّ*. Setiap huruf ini akan dibincangkan satu persatu dalam perbincangan seterusnya.

¹ Al-Uşul Fi al-Nahw jld 1 hlm 283

² Al-Khaşa:is jld 3 hlm 75

2.2.4 Istilah-istilah yang berkaitan dengan penafian.

Istilah yang sering ditemui dalam kitab-kitab nahu Arab berkaitan ayat penafian ialah

. الأَسْمَاءُ الْمَنْفِيَّةُ dan حَرْفُ النَّفْيِ , أَدْوَاتُ النَّفْيِ .

1. أَدْوَاتُ النَّفْيِ : merujuk kepada partikel penafian sama ada dari kalangan kata nama, kata kerja dan huruf.

| <i>Adawa:t al-nafiy</i> dari kata nama | <i>Adawa:t al-nafiy</i> dari kata kerja | <i>Adawa:t al-nafiy</i> dari huruf |
|--|---|---|
| غَيْرُ نَافِعٍ مَالٌ حَرَامٌ (tidak berfaedah harta yang haram) | لَيْسَ مَحْبُوبٌ الْعَادِرُونَ (tidak disukai orang berangkat) | مَا غَائِبٌ الشَّاهِدَانِ (tidak menghilang diri dua orang saksi) ¹ |

Jadual 1

2. حَرْفُ النَّفْيِ : merujuk khusus kepada lapan huruf nafi dalam percakapan orang Arab seperti لَآ ، لَآتَ ، لَيْسَ ، مَا ، إِِنْ ، لَمْ ، لَمَّا ، كُنْ .² Ibnu Ya'isy (t.t) menyatakan bahawa partikel nafi terdiri dari enam iaitu لَآ ، لَآتَ ، لَيْسَ ، مَا ، إِِنْ ، لَمْ ، لَمَّا ، كُنْ tidak termasuk ، لَآتَ ، لَآتَ . Kedua perkataan ini tidak termasuk adalah kerana لَآتَ merupakan cabang kepada لَآ manakala لَيْسَ merupakan kata kerja *na:qis*.
3. الأَسْمَاءُ الْمَنْفِيَّةُ : merujuk kepada subjek yang didepani huruf nafi⁴ seperti اسم beberapa partikel nafi yang berfungsi dengan fungsi لَيْسَ dan اسم لَآ التَّأْفِيَةِ لِلْجِنْسِ dalam ayat subjek dan predikat.

Walau bagaimanapun pengkaji akan mengkaji penggunaan huruf nafi (حَرْفُ النَّفْيِ) ini dari sudut kebiasaan percakapan orang Arab yang sering digunakan dalam percakapan harian.

¹ Al-Nahw al-Wa:fi: jld 1 hlm 294

² Al-Bala:ghat al-'Arabiya: Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 154

³ Syarh al-Mufaṣṣol Li Ibn Ya'isy jld 8 hlm 107

⁴ Al-Uṣul Fi al-Nahw hlm 382

2.2.5 Jenis-jenis partikel nafi (أَدَوَاتُ النَّفْيِ)

Partikel nafi dalam tatabahasa Arab ialah perkataan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perkhabaran itu tidak berlaku¹ seperti لَّا , مَا , لَمْ , إِنَّ , كَيْسَ dan غَيْرُ .

Partikel nafi merangkumi perkataan yang terdiri dari kata nama, kata kerja dan huruf seperti yang telah diterangkan dalam jadual 1.

Dalam sub topik ini pengkaji akan menyentuh sedikit mengenai partikel penafian. Ini penting supaya kajian tidak lari dari landasan asal iaitu mengkaji huruf yang digunakan untuk penafian sahaja. Dengan ini pengkaji akan memberi fokus kepada tujuh huruf nafi untuk dibahaskan merujuk kepada pendapat ilmuan nahu seperti ‘Abba:s Hasan dan Ibnu Ya‘isy iaitu لَّا , لَاتَ , مَا , إِنَّ , لَمْ , كَيْسَ , لَنْ serta para ilmuan nahu yang lain.

¹ Mu’ja:m Wasi:t jld 2 hlm 943

2.3 PERBAHASAN AHLI NAHU MENGENAI ASAL HURUF NAFI

Menurut Al-Ḥu:fiyy¹, huruf penafian yang asal hanyalah لَآ dan مَا . Beliau berhujah dengan menyatakan bahawa huruf penafian hanyalah pada dua keadaan samada penafian kala lampau dan penafian kala kini/depan. Penafian kala kini/depan lebih sering digunakan berbanding penafian kala lampau. Tambah beliau lagi, perkataan لَآ adalah lebih ringan sebutannya berbanding مَا dan meletakkan yang ringan adalah lebih sering digunakan.²

Huruf مَا digunakan untuk kala lampau dan huruf لَآ untuk kala kini/depan. Huruf لَمْ seolah-olah diambil dari perkataan لَآ dan مَا . Kedua-dua perkataan itu bergabung dalam satu kalimah لَمْ yang memberikan isyarat kala kini/depan dari sudut lafaz dan kala lampau dari sudut makna.

Contoh : لَمْ يَفْعَلْ زَيْدٌ (tidaklah Zaid yang melakukan)

Huruf لَمَّا ialah perkataan gabungan, ia seolah-olah gabungan huruf لَمْ dan huruf مَا untuk menguatkan maksud penafian kala lampau dan juga kala kini/depan. Huruf لَمَّا menunjukkan penafian kala kini/depan adalah berterusan.

Menurut Al-Zamakhshariyy³, لَمْ dan لَمَّا mengubah makna kata kerja kala kini/depan kepada kata kerja kala lampau dan menafikannya. Antara keduanya ada perbezaan. لَمْ يَفْعَلْ (dia tidak melakukan) menafikan فَعَلَ (telah lakukan) manakala لَمَّا يَفْعَلْ (belum lagi dilakukan) menafikan قَدْ فَعَلَ (sesungguhnya dia telah lakukan). Ia adalah gabungan لَمْ dan مَا yang memberikan maksud jangkaan dan penantian serta masa berlaku perbuatan adalah berpanjangan.

¹ Ali bin Ibrahim bin Sa'īd bin Abul Hasan seorang ulama' bahasa dan tafsir lihat al-Bala:ghaṭ al-'Arabiyat : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 209

² Al-Bala:ghaṭ al-'Arabiyat : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 160

³ Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun'at al-I'ra:b hlm 393

Contoh لَمْ : نَدِمَ وَلَمْ يَنْفَعَهُ النَّدَمَ (dia telah menyesal dan **tidak** memberikan faedah kepadanya),

Keterangan : Ayat di atas menggunakan huruf لَمْ yang mengubah maksud kata kerja kini/depan kepada maksud kala lampau. Penyesalan telah tidak memberi faedah kepadanya.

Contoh لَمَّا : نَدِمَ وَلَمَّا يَنْفَعُهُ النَّدَمَ (dia telah menyesal dan **belum** memberikan faedah kepadanya),

Keterangan : Ayat di atas menggunakan huruf لَمَّا yang memberi jangkauan dan penantian. Penyesalan belum lagi berlaku kepadanya.

Boleh diberhentikan sehingga لَمَّا sahaja tanpa dipanjangkan seperti :

Contoh 1 : نَدِمَ وَلَمَّا (dia telah menyesal dan belum pun)
لَمَّا يَنْدَمَ (belum menyesal)

Contoh 2 : خَرَجْتُ وَلَمَّا (dia telah keluar dan belumpun) maknanya seperti
لَمَّا يَخْرُجُ (belum keluar).

Pemberhentian seperti ini hanya boleh dilakukan untuk penggunaan huruf لَمَّا dan tidak pada huruf لَمْ.

Huruf لَنْ digunakan untuk menta'kidkan apa yang dinyatakan لَا (penafian kata kerja kala kini/depan), disebutkan ayat yang berbunyi لَا أَبْرَحُ الْيَوْمَ مَكَانِي (aku tidak meninggalkan tempatku hari ini), maka sekiranya ditawki:dkan dan dikuatkan, ia akan diungkapkan seperti ini: لَنْ أَبْرَحَ الْيَوْمَ مَكَانِي (aku sama sekali tidak akan meninggalkan tempatku hari ini).

Firman Allah :

﴿ لَا أُبْرِحُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ ﴾¹

Terjemahan :

Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu

Dan dalam firmanNya yang lain :

﴿ فَلَنْ أُبْرِحَ حَتَّىٰ يُأْذَنَ لِي أَبِي ﴾²

Terjemahan :

Aku tidak sekali-kali akan meninggalkan negeri Mesir ini sehingga bapakku izinkan aku.

Al-Khali:liy³ berkata huruf ini berasal dari لَ dan اِنْ serta dinipiskan dengan pengguguran.⁴ Al-Farra:' menyatakan huruf نُونُ nya adalah huruf اَلِفٌ gantian dari لَ.⁵ Si:bawayh pula berkata ia adalah tersendiri.⁶ Demikian menurut pendapat yang sah.

¹ Surah al-Kahfi ayat 60

² Surah Yu:suf ayat 80

³ Abu 'Abdu al-Rahma:n al-Khalil bin Ahmad bin 'Amru bin Tami:m al-Fara:hidiy al-Baṣriy (718-786M, 100-170H). Asal orang Arab dari Kabilah Uzd Oman. Seorang ahli bahasa, pengarang kamus, pencetus ilmu 'aruḍ (sejenis ilmu kesenian dalam lagu bait syair)

⁴ Kita:b al-'Ain jld 4 hlm 103

⁵ Yahya bin Ziya:d bin 'Abdullah bin Manzu:r al-Dailamiy, pemimpin Bani Usd (atau Bani Manqar) Abu Zakariya'(761-822M, 144-207H), Dikenali dengan al-Farra' : Seorang Imam di Kufah, ulama' nahu dan bahasa juga seni kesusasteraan

⁶ Al-Kita:b Jld 3 hlm 5

2.4 KEFUNGSIAN DAN KETIDAKFUNGSIAN HURUF NAFI

Kefungsian (الْعَمَلُ) huruf nafi merujuk kepada penggunaan sesuatu huruf nafi yang berfungsi mengubah kasus subjek ataupun predikat dan kata kerja kala kini/depan.

Terdapat dua keadaan kefungsian huruf nafi ini apabila mendepani ayat nominal:

1. Huruf nafi yang berfungsi dengan kefungsian لَيْسَ (yang menominatiskan subjek dan mengakusatifkan predikat)
2. Huruf nafi yang berfungsi dengan kefungsian إِنَّ (yang mengakusatifkan subjek dan menominatiskan predikat)

Terdapat dua keadaan kefungsian huruf nafi ini apabila mendepani kata kerja kala kini:

1. Huruf nafi yang mengakusatifkan kata kerja kala kini/depan (لَنْ)
2. Huruf nafi yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan (لَمَّا dan لَمْ)

Ketidakfungsian (الإِهْمَالُ) huruf nafi merujuk kepada penggunaan sesuatu huruf nafi yang tidak berfungsi mengubah kasus subjek ataupun predikat apabila mendepani ayat nominal serta kasus kata kerja apabila mendepani kata kerja.

Menurut ‘Abba:s Hasan : Daripada huruf nafi, ada yang menyerupai kata kerja لَيْسَ bermaksud nafi, fungsinya menominatiskan subjek dan mengakusatifkan predikat.¹

Keserupaan ini telah menyebabkan مَا - لَأَ - إِنَّ - لَاتَ dikategorikan sebagai keluarga لَيْسَ, bezanya لَيْسَ merupakan kata kerja manakala مَا - لَأَ - إِنَّ - لَاتَ termasuk dalam kategori huruf.

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 593


Hal kefungsiian huruf nafi yang mendepani ayat nominal serta mengubah kasus predikat menjadi akusatif merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh orang Arab *al-Hija:ziyyun* (أَهْلُ الْحِجَازِ). Manakala ketidakfungsiian huruf nafi merujuk kepada huruf nafi yang dimasukkan ke dalam ayat nominal serta tidak mengubah kasus predikat menjadi akusatif merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh sesetengah kabilah Arab *al-Tami:miyyun* (بَنِي تَمِيم).

‘Abba:s Hasan menyatakan¹ kecenderungan untuk mengambil bahasa *al-Hija:ziyyun* yang telah meletakkan kefungsiian bagi huruf tersebut dan disokong oleh ulama’ nahu kerana bahasa *Al-Hija:ziyyun* merupakan bahasa yang tinggi, bahasa al-Quran serta digunakan oleh kebanyakan orang Arab.

Contoh Kefungsiian : مَا الذَّهَبُ رَخِيصًا

Contoh Ketidakfungsiian : مَا الذَّهَبُ رَخِيصٌ

Terjemahan : *Tidaklah emas itu murah*



Gambarajah 1

¹ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld 1 hlm 594

2.5 HURUF NAFI DARI SUDUT FUNGSI DAN MAKNA

Menurut ‘Abd al-Rahma:n al-Maida:niy : Terdapat lapan nafi yang menafikan ayat dalam bahasa Arab iaitu $لَا - لَاتَ - مَا - إِنَّ - لَمْ - لَمَّا - لَنْ - لَيْسَ$ ¹.² Pengkaji akan membincangkan secara teori satu persatu huruf nafi yang telah disebut sebagai fokus kajian dari sudut fungsi dan makna menurut pandangan para ahli nahu. Disini akan diterangkan tentang fungsi dan makna huruf-huruf nafi yang tersebut.

2.5.1 Huruf لَا

2.5.1.1 . Pengenalan

Huruf لَا tidak hanya digunakan untuk penafian sahaja. Huruf لَا mengandungi banyak makna dan kegunaannya. Terdapat 9 kegunaan huruf ini antaranya :

1. لَا الْحِجَازِيَّةُ berfungsi sebagaimana لَيْسَ
2. لَا التَّمِيمِيَّةُ tidak berfungsi sebagaimana لَيْسَ
3. لَا حَرْفُ جَوَابٍ huruf penafian jawapan. Kebanyakannya ayat selepasnya dihapuskan.

Contoh : لَا، لَمْ يَجِيءَ , jawabnya لَا أَجَاءَكَ زَيْدٌ

4. لَا الرَّائِدَةَ kadangkala ia datang sebagai tambahan dan menunjukkan taukid seperti firman Allah :

﴿ لِيَلْمَ يَعْلَمَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَلَّا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ ﴾³

Terjemahan :

Supaya golongan ahli Kitab mengetahui, bahawa sesungguhnya mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mendapat (atau menyekat) sesuatu)

Keterangan : Andaian ayat setelah dibuangkan huruf لَا :

لِيَعْلَمَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَلَّا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ

¹ ليس tidak termasuk dalam kajian kerana ia adalah fe'el na:qiş menurut Ibnu Ya'isy

² Al-Bala:ghat al-'Arabiyaṭ : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 203

³ Surah al-Ḥadi:d ayat 29

Kadangkala ia tidak menunjukkan apa-apa seperti : ¹ لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ (Aku bersumpah dengan Hari Kiamat). لَا – huruf nafi tambahan tiada tempat fleksi.

Seolah-olah firman Allah ini mengatakan ² أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ

5. لَا الْعَاطِفَةَ untuk mengeluarkan perkataan kedua dari perkataan yang pertama dengan tiga syarat :

- i. Ma 'tu:fnya terdiri dari kata tunggal
- ii. Didahului ayat dengan ayat positif
- iii. Berlainan maksud antara kedua-dua ma 'tu:fnya

Contoh : اِشْتَرَيْتُ ضَيْعَةً لَا أَرْضًا (aku beli tanah (subur) bukan tanah) kerana ضَيْعَةٌ dan أَرْضٌ mempunyai maksud yang sama.

6. لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ, subjeknya dipadamkan, sebenarnya لَا عَلَيْكَ dan لَا بِأَسَ عَلَيْكَ menjadi predikat kepada subjek yang dipadamkan.

Pemadaman subjek لَا الْجِنْسِيَّةَ jarang berlaku.

7. لَا النَّافِيَةَ akan dibincangkan dalam perbincangan bab ini

8. لَا الْمُؤَكَّدَةَ لِلنَّفْيِ ia disertakan dengan وَأَوْ untuk menghindarkan kesamaran.

Seperti : مَا قَامَ سَعْدٌ وَلَا سَعِيدٌ (Sa'dun telah tidak bangun dan tidak Sa'id) dan apabila dikatakan مَا قَامَ سَعْدٌ وَسَعِيدٌ (Sa'dun dan Sa'id tidak bangun)

kemungkinan kedua-duanya tidak bangun bersama. Dengan penambahan لَا yang kedua dalam keadaan ini telah menghilangkan kemungkinan ini serta menjadikan kedua-duanya tidak bangun.³

Semua makna huruf لَا yang disebutkan di atas adalah sebagai catatan sahaja dan bukanlah fokus perbincangan disini. Yang menjadi fokus perbincangan ialah لَا nafi yang digunakan semata-mata untuk penafian.

¹ Surah al-Qiya:maṭ ayat 1

² Al-Mu'jam al-Wasi:ṭ Fi al-F'ra:b hlm 263

³ Al-Mu'jam al-Wasi:ṭ Fi al-F'ra:b hlm 262

2.5.1.2 Fungsi dan makna huruf لَآ

Berikut ialah keterangan perihal huruf nafi لَآ :

- a) Berfungsi sebagaimana إِنَّ yang mengakusatif subjek dan menominatif predikat jika menafikan kata nama jenis dalam sesuatu ayat. Huruf nafi ini dinamakan huruf nafi لَآ النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ . Ia bermaksud penentuan untuk merangkumkan penafian ke atas jenis keseluruhannya.¹

Huruf لَآ النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ berfungsi jika cukup 6 syarat ini² :

1. Berfungsi sebagai huruf nafi لِلْجِنْسِ, jika sebaliknya ia tidak berfungsi.

Contoh 1 : فَعَلْتُ الْخَيْرَ بِلَا تَرَدُّدٍ (aku melakukan kebaikan tanpa ragu-ragu)

لَآ adalah huruf dengan makna غَيْرَ

Contoh 2 : Firman Allah terhadap iblis : ﴿ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ .. ﴾ (tiada

apa yang menghalang kamu dari tidak bersujud) لَآ sebagai huruf tambahan.

Dalam kedua-dua contoh di atas, huruf لَآ tidak boleh berfungsi. Begitu juga huruf لَآ dengan makna larangan (النَّاهِيَةُ) .

2. Penafian adalah menyeluruh ke atas semua yang sejenis dengan subjek.

Contoh : لَآ كِتَابٌ وَاحِدٌ كَافِيًا (tidaklah satu buku mencukupi).

Perkataan وَاحِدٌ telah meniadakan kefungsi لَآ النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ kerana ia tidak menafikan keseluruhan yang sama jenis dengan كِتَابٌ (buku) tapi menafikan sebuah buku sahaja.

¹ Mukhtaşar Syarh Ibn ‘Aqil ‘Ala Alfiat Ibn Ma:lik Fi al-Nahw hlm 127

² Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 688

3. Maksud penafian mestilah ke atas katanama jenis sebagaimana dalam nas tanpa ada sebarang pemahaman yang lain, seperti **لَا** yang berfungsi dengan fungsi **لَيْسَ**. (Lihat fungsi dalam sub topik 2.5.1(b))
4. Tidak menyelangi antara 'a:mil dan ma'mu:l, seperti didahului dengan huruf jarr ('a:mil) dan diselangi dengan **لَا** kemudian kata nama genetif (ma'mu:l), seperti : **حَضَرْتُ بِلَا تَأْخِيرٍ** (aku datang tanpa ada kelewatan).

Contoh dari bait syair :

مُتَارِكَةُ السَّفِيهِ بِلَا جَوَابٍ * أَشَدُّ عَلَى السَّفِيهِ مِنَ الْجَوَابِ

Terjemahan :

Meninggalkan orang bodoh dengan tidak menjawab adalah lebih berat ke atas orang bodoh daripada menjawab.

5. Subjek dan predikatnya mestilah indifinit. Sekiranya tidak, ia akan menyebabkan **لَا** tidak berfungsi sebagai saudara **إِنَّ** seperti dalam contoh bait syair ini :

لَا الْقَوْمُ قَوْمِي وَلَا الْأَعْوَانُ أَعْوَانِي * إِذَا وَنَا يَوْمَ تَحْصِيلِ الْعُلَا وَإِنْ

Terjemahan :

Kaum itu bukan kaumku dan pembantu itu bukan pembantuku sekiranya ia berputus asa pada hari ia mendapat kemuliaan.

6. Tidak diselangi antara subjek dengan predikat dan tidak berulang.

Contoh : **لَا فِي النَّبُوغِ حَظٌّ لِكَسْلَانَ وَلَا نَصِيبٌ** (tiada kecemerlangan bagi orang yang malas dan tidak juga bernasib baik).

Penjelasan : **حَظٌّ** subjek **لَا** diselangi oleh kata nama genetif manakala **لَا** yang kedua merupakan tambahan untuk penegasan.

Begitu juga dengan mendahulukan predikat ke atas subjek.

Contoh : لَا جُنْدِيَّ تَارِكٌ مَيْدَانَهُ (tidak seorangpun askar meninggalkan medannya) tidak berfungsi jika تَارِكٌ جُنْدِيٌّ مَيْدَانَهُ لَا

Dalam fungsi pertama seperti yang telah diterangkan, Huruf لَا digunakan dengan makna “tidak suatu pun” dengan menolak semua yang sejenis dengan kata nama indifinit yang dinafikan.

- b) Berfungsi sebagaimana لَيْسَ tetapi sangat sedikit penggunaannya di kalangan orang Arab. Contoh seperti kata-kata dalam bait syair di bawah ini :

Contoh 1 : تَعَزَّ فَلَا شَيْءٌ عَلَى الْأَرْضِ بَاقِيًا * وَلَا وَزَرَ مِمَّا قَضَى اللَّهُ وَاقِيًا*¹

Terjemahan :

Sabar atas apa yang menimpa tanpa ada sesuatu pun yang tinggal didunia ini dan tiada sesuatu pun yang dapat melindungi dari kehendak Allah apabila ia diturunkan.

Contoh 2 : Kata-kata Al Mutanabbi :

إِذَا الْجُودُ لَمْ يُرْزَقْ خَلَاصًا مِنَ الْأَذَى * فَلَا الْحَمْدُ مَكْسُوبًا وَلَا الْمَالُ بَاقِيًا

Terjemahan :

Sekiranya kemurahan hati tidak menyelamatkannya daripada malapetaka maka bukanlah pujian yang dicari dan harta bukanlah sesuatu yang kekal

Dalam kedua-dua contoh di atas, Huruf لَا digunakan sebagaimana لَيْسَ dari sudut fungsi dan makna. Manakala perkataan bergaris dalam contoh 1 dan 2 berkasus akusatif sebagai predikat لَا. Huruf nafi ini dikenali sebagai huruf الْوَاحِدِ لَا لِنَفْيِ .

Al-Hija:ziyyu:n – menjadikan لَا berfungsi sebagaimana لَيْسَ serta menukarkan predikatnya kepada akusatif yang menerangkan penafian waktu semasa serta tiada

¹ Syarḥ Qatr al-Nada: Wa Ball al-Ṣoda: hlm 190

perkaitan yang menunjukkan waktu itu bukan semasa. *Al-Tami:miyyu:n* - tidak menjadikannya berfungsi seperti لَيْسَ seperti :

Contoh berfungsi : لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعًا (*tidaklah sesuatu kebaikan hilang*)

Contoh tidak berfungsi : لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعٌ (*tidaklah sesuatu kebaikan hilang*)

Huruf لَا yang berfungsi seperti كَانَ sentiasa menunjukkan kepada penafian makna predikat dari kata jenis dalam dua kemungkinan. Berikut ialah keterangan tentang لَا ¹:

1) Jika subjeknya kata nama tunggal :

- i. Penafian kepada kata tunggal itu sahaja.
- ii. Penafian kepada kata tunggal itu dan juga kemungkinan yang lain.

Contoh 1 :

لَا رَجُلٌ غَائِبًا (*tidaklah seorang lelaki menghilang*) – ayat ini mengandungi huruf لَا , diikuti dengan subjek kata nama tunggal nominatif kemudian predikat kata nama akusatif. Ayat ini menunjukkan dua kemungkinan, iaitu penafian kewujudan predikat (الغَيْابُ) tentang ketiadaan seorang lelaki dan penafian kewujudan jenis lelaki seluruhnya.

Contoh 2 :

لَا طَائِرٌ مَوْجُودًا (*tidaklah seekor burung kelihatan*) – ayat yang mengandungi kata nama tunggal ini menunjukkan penafian kewujudan seekor burung dan penafian kewujudan semua jenis burung.

¹ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld 1 hlm 601

2) Jika subjeknya kata nama duaan atau pun *jama'* :

Penafiannya ada dua kemungkinan samada :

- i. penafian makna predikat dari jenis kata nama duaan ataupun jamak.
- ii. penafian kedua-duanya dengan makna predikat dari jenis kata nama jamak.

Contoh 1 :

Jika dikatakan لَا رَجُلَانِ غَائِبِينَ (tidaklah dua orang menghilang) atau لَا رَجَالٌ غَائِبِينَ (tidaklah ramai orang menghilang) maka keadaan ini berkemungkinan penafian terhadap dua lelaki ataupun ramai lelaki. Kedua-kedua keadaan ini merupakan penafian kewujudan semua jenis lelaki.

Contoh 2 :

Jika dikatakan لَا طَائِرَانِ مَوْجُودَيْنِ (tidaklah dua ekor burung kelihatan) atau لَا طُيُورٌ مَوْجُودَةٌ (tidaklah banyak burung kelihatan) maka keadaan ini berkemungkinan penafian terhadap dua ekor burung ataupun banyak burung. Kedua-kedua keadaan ini merupakan penafian kewujudan semua jenis burung.

Syarat-syarat yang disepakati oleh kebanyakan ahli nahu¹

1. Subjek dan predikatnya mestilah indifinit.

Ibnu Jinniy membelakangi syarat ini dengan dalil perkataan *al-Na:bighat* :

وَحَلَّتْ سَوَادَ الْقَلْبِ لَا أَنَا بَأْغِيًا * سِوَاهَا وَلَا فِي حُبِّهَا مُتْرَاحِيًا

Terjemahan :

Bisik hati menyatakan aku bukanlah zalim selain dia (kekasihnya), dan tidak juga menyayanginya menjadi selesa.

Keterangan : لَا predikat akusatif kerana لَا digunakan dengan fungsi لَيْسَ

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyat Fi al-Nahw Wa al-Ta'sri:f hlm 365

Al-Mutanabbi mendakwa bahawa لا juga berfungsi ketika subjeknya difinit.

إِذَا الْجُودُ لَمْ يُرْزَقْ خَلَاصًا مِنَ الْأَذَى * فَلَا الْحَمْدُ مَكْسُوبًا وَلَا الْمَالُ بَاقِيًا

Terjemahan :

Sekiranya kemurahan hati tidak menyelamatkannya daripada malapetaka maka bukanlah pujian yang dicari dan harta bukanlah sesuatu yang kekal

Keterangan : مَكْسُوبًا predikat akusatif kerana لا digunakan dengan fungsi لَيْسَ

2. Tidak mendahului predikatnya daripada subjeknya ¹

Contoh : لَا قَائِمًا رَجُلٌ (Tidak berdiri seorang lelaki)

Keterangan :

| | | |
|--------|----------|------------|
| رَجُلٌ | قَائِمًا | لَا |
| subjek | predikat | huruf nafi |

Sepatutnya : لَا رَجُلٌ قَائِمًا

3. Tidak bercanggahan dengan huruf إلا

Contoh : لَا رَجُلٌ إِلَّا أَفْضَلُ مِنْ زَيْدٍ (Tiada seorang lelaki melainkan yang lebih baik dari Zaid)

Keterangan : Ketidakfungsian huruf nafi dalam ayat ini adalah kerana ia telah menjadi *muthbit* dengan kewujudan إلا dalam ayat yang sama.

¹ Syarḥ Ibn ‘A:qil jld 1 hlm 291

‘Abba:s Hasan (t.t)¹ menerangkan bila kita kata *لَا كِتَابٌ فِي الْحَقِيَّةِ* (tiadalah suatu buku dalam beg) – dengan memasukkan *لَا* kepada ayat nominal, dalam keadaan asal menominatifkan perkataan *كِتَابٌ* kata nama tunggal – menjadikan ungkapan ini dalam dua kemungkinan :

1. Penafian *kewujudan satu buku dalam beg* dengan kemungkinan *wujud dua buku atau lebih dalam beg*.
2. Penafian *kewujudan satu buku dalam beg* dan juga penafian *wujud dua buku atau lebih dalam beg*.

Dalam contoh penafian yang lepas, kita dapat ketahui bahawa *لَا* menunjukkan penafian yang berkemungkinan ditujukan untuk sesuatu yang tunggal sahaja atau sesuatu yang tunggal dan lebih.

Dalam keadaan ini para ulama’ nahu menamakannya *لَا الَّتِي لِنَفْيِ الْوَحْدَةِ* atau *لِنَفْيِ الْوَاحِدِ* dan merupakan salah satu huruf *na:sikhat* yang berfungsi dengan fungsi *كَانَ* .

Contoh : *لَا مِصْبَاحٌ مَكْسُورًا* (tiadalah suatu lampu pecah)

Dalam ungkapan ini dalam dua kemungkinan :

1. Penafian kewujudan ‘*satu lampu yang pecah*’ dengan kemungkinan *wujud dua lampu atau lebih lampu yang pecah*.
2. Penafian kewujudan ‘*satu lampu yang pecah*’ dan juga penafian *lebih dari itu yang tidak pecah*.

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 685

- c) Digunakan sebagai huruf 'atf dengan syarat-syarat yang jelas di kalangan ahli nahu seperti :

جَاءَنِي رَجُلٌ لَا أَمْرَأَةً

Terjemahan : *Telah datang kepadaku seorang lelaki bukan seorang wanita.*

- d) Digunakan sebagai jawapan penafian kepada soalan. Lawan kepada lafaz نَعَمْ .

Selalunya ayat selepasnya dihapuskan.

Contoh : السُّؤَالُ : هَلْ أَنْتَ طَالِبٌ ؟ الجَوَابُ : نَعَمْ أَوْ لَا

Terjemahan : *Soalan : Adakah kamu seorang pelajar? Jawapan : Ya atau Tidak.*

- e) Digunakan sebagai huruf nafi, sekiranya ayat selepasnya merupakan ayat nominal dari subjek yang definit ataupun indifinit.¹

Contoh subjek yang definit dari fungsi ini. Firman Allah : ²

﴿ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴾

Terjemahan :

(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak dapat baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Contoh subjek yang indifinit dan definit dalam firman Allah :

﴿ يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكَأْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ ، بَيِّضَاءَ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ ، لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴾

Terjemahan :

Diedarkan kepada mereka piala yang mengandungi arak yang diambil dari sungai yang mengalir. Minuman itu putih bersih lagi lazat rasanya bagi orang-orang yang meminumnya. Ia tidak mengandungi sesuatu yang membahayakan dan tidak pula mereka mabuk kerana menikmatinya.

¹ Lihat syarat kefungsiian partikel لا

² Surah Ya:si:n ayat 40

- f) Digunakan sebagai huruf nafi, apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Ia benar-benar menafikan kata kerja sekiranya ia menafikan ungkapan sumpah seperti لَيَقُومَنَّ زَيْدٌ (demi sesungguhnya Zaid akan bangun) dan menafikannya dengan berkata لَا يَقُومُ (dia tidak akan bangun)

Kadang-kala ia boleh menafikan kata kerja kala lampau, sekiranya kita ingin berkata begitu maka wajib kita akan mengulangi huruf لَا

Contoh 1: لَا أَكَلْتُ وَلَا شَرَبْتُ (aku tidak makan dan tidak minum).

Contoh 2 : ﴿ فَلَا صِدْقَ وَلَا صَلَّى * وَلَكِنْ كَذَبَ وَتَوَلَّى ﴾¹

Terjemahan :

(Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari kiamat) maka ia tidak mengakui kebenaran (yang diwajibkan menyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardhukan mengerjakannya, akan tetapi ia mendustakan dan berpaling engkar).

Jika penafian kata kerja kala kini/depan maka harus diulangi huruf لَا.

Contoh : زَيْدٌ لَا يَقْرَأُ وَلَا يَكْتُبُ (Zaid tidak akan membaca dan tidak akan menulis)

Huruf ini wajib diulangi melainkan dalam ayat doa dan ayat yang mengandungi kata kerja kala lampau yang bermaksud kala kini/depan.

Contoh firman Allah : ﴿ فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ، وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ، فَكُ رَقَبَةً ﴾²

Terjemahan :

(Dalam pada itu manusia) tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan. (Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui): apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu?(Di antara amal-amal itu - bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba 'abdi.

¹ Surah al-Qiyamat ayat 31-32

² Surah al-Balad ayat 11-13

Keterangan :

1. Ayat ini bermaksud doa supaya tidak berbuat baik dari memilih amalan-amalan yang dapat memberikan ganjaran pahala yang besar kepada mereka.
2. *فَلَا* penafian kata kerja kala lepas bermaksud penafian kala kini/depan dengan maksud *لَمْ يَفْتَحِمْ*.¹

Huruf *لَا* yang mendepani ayat verbal tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak.

Menurut ‘Abba:s Hasan (t.t)² *لَا* yang mendepani kata kerja adalah *لَا* yang tidak berfungsi, jika mendepani kata kerja kala lepas maka ia akan menunjukkan penafian pada masa yang khusus, begitu juga jika ia mendepani kata kerja kala kini/depan – menurut pendapat yang kuat – ia akan menunjukkan penafian kala kini/depan.

Ibnu Malik dan pengikutnya serta disokong oleh para ahli nahu membolehkan : "*جَاءَ زَيْدٌ : لَا يَتَكَلَّمُ*" (*Zaid telah datang dalam keadaan dia tidak bercakap (pada masa dia datang)*) bahawa ayat kala kini/depan tidak menunjukkan tanda kala kini/depan.³

¹ Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 608

² Al-Nahwu al-Wa:fiy j1 hlm 59

³ Mughna al-Labi:b hlm 322

Menurut Si:bawayh¹

| Jika berkata | Makna ayat | Penafiannya | Makna Ayat |
|--|---|------------------------|--|
| هُوَ يَفْعَلُ (وَلَمْ يَكُنِ الْفِعْلُ وَأَقْعًا) | Dia akan lakukan (perlakuan belum berlaku) | لَا يَفْعَلُ | Dia tidak akan lakukan (perlakuan belum berlaku) |
| لَيَفْعَلَنَّ | Dia sememangnya telah lakukan | لَا يَفْعَلُ | Dia tidak akan melakukannya (perlakuan belum berlaku) |
| وَاللَّهِ لَيَفْعَلَنَّ | Demi Allah, dia sememangnya akan lakukan | وَاللَّهِ لَا يَفْعَلُ | Demi Allah, dia sememangnya tidak akan lakukan |

Jadual 2

2.5.2 Huruf مَا

2.5.2.1 Pengenalan

Huruf مَا tidak hanya digunakan untuk penafian sahaja. Huruf مَا mengandungi banyak makna dan kegunaannya. Terdapat 6 kegunaan huruf ini antaranya :

1. مَا الْمَوْصُولَةَ digunakan untuk kata nama yang tidak beraqal.
Contoh : قَرَأْتُ مَا كَتَبْتَ مِنْ قِصَصٍ (saya baca apa yang kamu telah tulis dari satu cerita)
2. مَا الْإِسْتِفْهَامِيَّةَ digunakan sebagai kata tanya.
Contoh : مَا أَحَبُّ الْقِصَصِ عِنْدَكَ ؟ (apakah cerita yang paling kamu suka)
3. مَا الشَّرْطِيَّةَ digunakan sebagai kata nama syarat. Ia menjazamkan dua kata kerja kala kini/depan.
Contoh : مَا تَدَّخِرُهُ يُفِيدُكَ فِي الْمُسْتَقْبَلِ (apa yang kamu simpan memberi faedah kepada kamu pada masa depan)
4. مَا التَّعْجِيبِيَّةَ kata nama yang indifinit menunjukkan kekaguman.
Contoh : مَا أَجْمَلَ الزُّهُورَ (alangkah cantiknya bunga itu)

¹ Al-Kita:b jld 3 hlm 117

5. مَا الزَّائِدَةُ كَافَّةُ الْعَمَلِ digunakan sebagai kata tambahan yang menghalangnya daripada berfungsi jika bersambungan dengan :

a. إِنَّ sebelumnya.

Contoh : إِنَّمَا الْعَدْلُ أَسَاسُ الْحُكْمِ (sesungguhnya keadilan sahaja menjadi asas pengadilan)

b. قَلَّ - كَثُرَ - طَالَ sebelumnya.

Contoh : فَلَمَّا يَتِمَّكَّنُ الْمُهِمِلُ مِنَ الْوُصُولِ إِلَى غَايَتِهِ (sedikit sahaja orang yang lalai boleh sampai kepada tujuan)

c. رُبَّ - الْكَافُ sebelumnya.

Contoh : رُبَّمَا صَدِيقٌ أَنْفَعُ مِنْ شَقِيقٍ (Boleh jadi kawan sahaja yang lebih berguna dari adik-beradik)

6. مَا الزَّائِدَةُ غَيْرُ كَافَّةِ الْعَمَلِ digunakan sebagai kata tambah yang tidak menghalangnya daripada berfungsi jika bersambungan dengan :

a. Partikel jarr مِنْ - عَنْ - الْبَاءِ

Contoh Firman Allah : ﴿ قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لِيُصْبِحُنَّ نَادِمِينَ ﴾¹

Terjemahan :

Dalam sedikit masa lagi mereka akan menjadi orang-orang yang menyesal.

b. قَبْلَ - بَعْدَ - دُونَ

Contoh : رَجَوْتُهُ الْحُضُورَ دُونَمَا تَأْخِيرٍ (aku mengharapkannya datang tanpa lewat)

Semua makna huruf مَا yang disebutkan di atas adalah sebagai catatan sahaja dan bukanlah fokus perbincangan disini. Yang menjadi fokus perbincangan ialah مَا nafi yang digunakan semata-mata untuk penafian.

¹ Surah al-Mu'minu:n ayat 40

2.5.2.2 Fungsi dan makna huruf مَا

Berikut ialah keterangan huruf nafi مَا :

Huruf nafi مَا digunakan mendepani ayat nominal dan ayat verbal. Sekiranya ia disertakan ke dalam ayat nominal, ia akan berfungsi sepertimana لَيْسَ menurut kegunaan *al-Hijaziyyu:n*, *al-Taha:miyyun* dan *Najdiyyu:n*¹ dengan beberapa syarat.

Terdapat dua fungsi penggunaan huruf nafi مَا :

1. Bahasa *Hija:ziyat* menjadikan مَا berfungsi sama seperti لَيْسَ menominatif subjek dan mengakusatif predikat. مَا زَيْدٌ مُنْطَلِقًا (Zaid tidak bertolak)
2. Bahasa *Tami:miyat* menjadikan مَا tidak berfungsi apa-apa. Juga digunakan untuk menafikan perbuatan kala lampau yang baru terjadi.

Contoh : مَا زَيْدٌ مُنْطَلِقٌ dan مَا فَعَلَ

Terjemahan : Zaid tidak bertolak tadi dan Dia tidak lakukan tadi

Ahli nahu Basrah menyatakan bahawa *al-Hijaziyyu:n* menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit sementara ahli nahu Kufah menyatakan bahawa *al-Tami:miyyu:n* menafikan fungsi مَا ini sebagaimana لَيْسَ². Walau bagaimanapun kedua-dua qabilah ini bersepakat bahawa huruf ini menafikan makna predikat dalam waktu semasa.³

Contoh samada berfungsi atau sebaliknya :

مَا الشُّجَاعُ خَوَافًا (tidaklah orang yang berani itu penakut) – atau – مَا الشُّجَاعُ خَوَافٌ

¹ Mughna al-Labi:b hlm 399

² Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyyat Fi al-Nahw Wa al-Taṣri:f hlm 398

³ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 594

Keterangan : خَوَافٌ predikat nominatif sekiranya huruf nafi مَا digunakan dalam bentuk yang tidak berfungsi manakala خَوَافاً predikat akusatif disebabkan oleh huruf nafi مَا digunakan dalam bentuk yang berfungsi.

Contoh kefungsihan huruf nafi مَا daripada bait syair :

مَا الْحُسْنُ فِي وَجْهِ الْفَتَى شَرَفًا لَهُ - إِذَا لَمْ يَكُنْ فِي فِعْلِهِ وَالْخَلَائِقِ

Terjemahan :

Keelokan rupa paras seorang pemuda bukanlah tanda kemuliaan baginya jika bukan pada tingkah-laku dan akhlaknya.

Fleksi : شَرَفًا predikat مَا akusatif

Contoh ketidakfungsihan huruf nafi مَا daripada bait syair :

لَعَمْرُكَ مَا الْإِسْرَافُ فِي طَبِيعَةٍ - وَلَكِنَّ طَبَعَ الْبُخْلِ عِنْدِي كَالْمَوْتِ

Terjemahan :

Demi sesungguhnya bukanlah pembaziran merupakan tabiatku tetapi tabiat bakhil padaku (aku benci) seperti mati

Fleksi : طَبِيعَةٍ predikat مَا akusatif

Pendapat yang mashyur tentang مَا ini adalah merujuk kepada apa yang digunapakai oleh orang arab *al-Hijaziyyu:n* yang disebut sebagai مَا الْحِجَازِيَّةِ . Syarat yang menjadikan مَا berfungsi sebagaimana لَيْسَ ada empat iaitu :

1) Tidak terletak selepas إِنْ tambahan.¹

Contoh مَا yang berfungsi : مَا الْحَقُّ مَعْلُوبًا : (tidaklah kebenaran dikalahkan)

Contoh مَا yang tidak berfungsi : مَا إِنْ الْحَقُّ مَعْلُوبٌ :

Contoh Syair :

بَنِي غَدَانَةَ مَا إِنْ أَنْتُمْ ذَهَبٌ * وَلَا صَرِيفٌ وَلَكِنَّ أَنْتُمْ خَزَفٌ

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 594

Terjemahan :

Bani Ghudannah, kamu bukanlah emas, bukan juga perak tetapi kamu tembikar.

Keterangan : ذَهَبٌ dengan kasus nominatif, مَا tidak berfungsi. Ibnu Sikki: meriwayatkan ذَهَبًا dengan meletakkan kasus akusatif dan menyatakan إِنَّ adalah taukid kepada huruf مَا bukan tambahan.¹

2) Tidak berlawanan penafiannya dengan predikat dengan sebab adanya إِلَّا selepasnya.²

Contoh مَا yang berfungsi : مَا الْجَوُّ مُنْحَرَفًا (tidaklah cuaca itu buruk)

Contoh مَا yang tidak berfungsi : مَا الْجَوُّ إِلَّا مُنْحَرَفٌ (tidaklah cuaca itu kecuali buruk)

Contoh syair : إِذَا كَانَتْ النِّعْمَى تُكَدَّرُ بِالْأَذَى – فَمَا هِيَ إِلَّا مِحْنَةٌ وَعَذَابٌ

Terjemahan :

Sekiranya kemewahanan dikeruhkan dengan penderitaan maka tidaklah ia melainkan rintangan dan kesengsaraan.

Contoh : ﴿ وَمَا أَمْرُنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ ﴾³

Terjemahan :

Dan hal Kami (dalam melaksanakan apa yang Kami kehendaki), hanyalah satu cara sahaja.

Contoh : ﴿ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ ﴾⁴

Terjemahan :

Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul

Contoh : ﴿ مَا أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا ﴾⁵

Terjemahan :

Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyyat Fi al-Nahwi Wa al-Taşri:f hlm 398

² Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 594

³ Surah al-Qamar 50

⁴ Surah A:li'Imra:n 144

⁵ Surah Ya:si:n ayat 15

Predikat ini nominatif disebabkan oleh إِلَّا yang telah membatalkan penafian dan menghilangkan kesan makna ke atas predikat.

- 3) Tetap pada susun atur antara subjek dan predikatnya yang tidak terdiri dari separa ayat. Dengan itu ia berfungsi seperti contoh ini :

مَا الْمَعْدَنُ حَجْرًا (*tidaklah logam itu batu*)

Tidak dibolehkan mendahului predikat yang bukan separa ayat ke atas subjek.

Dengan itu ia tidak berfungsi seperti contoh ini :

مَا حَجْرٌ الْمَعْدَنُ (*tidaklah batu logam itu*) kerana mendahulukan predikat ke atas subjek.

Sekiranya predikatnya adalah separa ayat, harus ia berfungsi ataupun tidak berfungsi seperti لَيْسَ.

Contoh : مَا لِلشُّرُورِ دَوَامٌ (*tidaklah bagi kegembiraan itu berterusan*)

Dan kata-kata bait syair :

وَمَا لِلْمَرْءِ خَيْرٌ فِي حَيَاةٍ - إِذَا مَا عُدَّ مِنْ سَقَطِ الْمَتَاعِ¹

Terjemahan :

Bukanlah baik kehidupan seseorang itu sekiranya dia tidak hiraukan apa yang disukainya jatuh (hilang)

Keterangan : Dalam keadaan berfungsi, predikat مَا (دَوَامًا , خَيْرًا) akusatif, manakala dalam keadaan tidak berfungsi, predikatnya nominatif (خَيْرٌ , دَوَامٌ).

¹ Bait syair perumpamaan oleh Qatariy bin Fuja:’at

- 4) Tidak mendahului predikat ke atas subjek, dengan syarat didahului kata nama yang bukan separa ayat.

Contoh :

| | | | |
|-------------------------|-----------------------------|------------------------------|-------------------|
| الأحمق (orang bodoh) | مُصَاحِبًا (bertemankan) | العَاقِلُ (orang berakal) | مَا (tidaklah) |
| maf'u:l predikat ما | predikat ما | subjek ما | huruf nafi |

Tidak berguna fungsi ini jika didahulukan perkataan **الأَحْمَقَ** ke atas subjek seperti dalam contoh ini : **مَا ، الأَحْمَقَ - العَاقِلُ مُصَاحِبٌ**

- 5) Tetapi jika sekiranya predikat merupakan separa ayat, harus **مَا** berfungsi ataupun tidak seperti dalam contoh ini :¹

رَاغِبٌ، وَضَائِعٌ dan harus **مَا فِي الشَّرِّ أَنْتَ رَاغِبٌ وَمَا عِنْدَكَ فَضْلٌ ضَائِعًا**

Terjemahan :

Engkau tidak mahu kepada keburukan, dan engaku tidak kehilangan keistimewaan yang engkau miliki.

‘Abba:s Hasan menambah satu syarat lagi kepada huruf nafi **مَا** dengan menyatakan bahawa, mestilah tiada pengulangan huruf **مَا**² seperti contoh ini :

"مَا" "مَا" الحُرُّ مُقِيمٌ عَلَى الضَّيْمِ (tidak tidak orang bebas bertapak di atas kezaliman)

kerana **مَا** pertama adalah untuk penafian manakala **مَا** yang kedua juga untuk penafian. Oleh yang demikian **مَا** kedua telah menafikan **مَا** yang pertama. Penafian dengan penafian telah mengithbatkan **مَا** yang pertama daripada penafian. Makna ayat telah berubah dari penafian kepada *ithba:t*.

¹ Keterangan dalam nota kaki Al-Nahwu al-Wa:fiy jld 1 hlm 594 no 4
² Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 595

Sekiranya مَا disertakan ke dalam ayat verbal, ia tidak berfungsi sebagaimana fungsi لَيْسَ. Ia menafikan kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan keadaan semasa seperti مَا يَقُولُونَ إِلَّا حَقًّا (mereka sekarang tidak bercakap melainkan perkara kebenaran) dan apabila dikatakan مَا يَفْعَلُ (dia sekarang tidak lakukan) menafikan kata هُوَ يَفْعَلُ (dia sedang lakukan).¹ Huruf مَا biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.²

Si:bawayh berpendapat :³

| Jika berkata | Makna ayat | Penafiannya | Makna Ayat |
|--|--|----------------------|---|
| لَقَدْ فَعَلَ | Sesungguhnya dia benar-benar telah lakukan | مَا فَعَلَ | Sesungguhnya dia benar-benar tidak lakukan |
| وَاللَّهِ لَقَدْ فَعَلَ | Demi Allah, sesungguhnya dia benar-benar telah lakukan | وَاللَّهِ مَا فَعَلَ | Demi Allah, sesungguhnya dia benar-benar tidak lakukan |
| هُوَ يَفْعَلُ (هُوَ فِي حَالِ فِعْلٍ) | Sekarang dia sedang lakukan (semasa perlakuan dilakukan) | مَا يَفْعَلُ | Sekarang dia tidak lakukan (semasa perlakuan dilakukan) |

Jadual 3

Menurut al-Zamakhshariyy , مَا boleh digunakan untuk menafikan kata kerja kala kini/depan⁴ dengan berkata .

Contoh : مَا يَفْعَلُ (Dia kini tidak lakukan)

Juga untuk penafian kala lepas yang hampir kepada kala kini/depan seperti :

Contoh : مَا فَعَلَ (Dia telah tidak lakukan)

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyaḥ Fi al-Nahwi Wa al-Taṣri:f hlm 401

² Mulakhkhaṣ Qawa'id al-Luḡaḥ al-'Arabiyaḥ hlm 150

³ Al-Kita:b jld 3 hlm 117

⁴ Al-Mufaṣṣal Fi Ṣun'aṭ al-I'ra:b jld 1 hlm 405

2.5.3 Huruf إِنْ

2.5.3.1 Pengenalan

Huruf إِنْ tidak hanya digunakan untuk penafian sahaja. Huruf إِنْ mengandungi banyak makna dan kegunaannya. Terdapat 3 kegunaan huruf ini antaranya :

1. إِنْ sebagai huruf tambahan (الزِّيَادَةُ)

Contoh bait syair *al-Na:bighat al-Zubya:niy* :

مَا إِنْ أَتَيْتُ بِشَيْءٍ أَنْتَ تَكْرَهُهُ * إِذَنْ فَلَا رَفَعْتَ سَوْطِي إِلَى يَدِي

Terjemahan :

Tidak sekali-kali aku akan datangkan dengan sesuatu yang engkau (al-Nu'ma:n bin Munzir) benci. Oleh itu janganlah terangkat cemeti kepada tanganku.

- إِنْ di sini huruf tambahan untuk menegaskan penafian

2. إِنْ sebagai huruf *syart* (الشَّرْطُ)

Contoh : إِنْ يَأْتِنِي زَيْدٌ آتِهِ (Jika Zaid datang kepada aku, aku akan berikan kepadanya)

إِنْ يَقُمْ فِي مَكَانٍ كَذَا أَقُمْ فِيهِ (Jika dia tinggal di tempat sekian aku akan tinggal padanya)

3. إِنْ sebagai bacaan ringan menggantikan bacaan berat إِنَّ

Contoh : ﴿ وَإِنْ كُلاًّ لَّمَّا لِيُوفِيَنَّهُمْ ﴾¹

Terjemahan :

Dan sesungguhnya tiap-tiap seorang akan disempurnakan oleh Tuhanmu (balasan amal mereka)

¹ Surah Hu:d ayat 111

Sa'id bin Jaabir membacakan firman Allah ini dengan ¹النُّونُ الْمُخَفَّفَةَ

² ﴿إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالَكُمْ﴾

Terjemahan :

Sesungguhnya benda-benda yang kamu seru selain Allah, adalah makhluk-makhluk seperti kamu.

2.5.3.2 Fungsi dan makna huruf إِنْ

إِنْ digunakan untuk menafikan makna predikat untuk waktu semasa sahaja. Samada berfungsi atau tidak, maknanya adalah sama.

Golongan yang menjadikannya berfungsi telah mensyaratkan dengan syarat-syarat yang khusus sebagaimana مَا النَّافِيَةِ dan satu syarat lain iaitu tidak terdapat إِنْ tambahan selepasnya.

Contoh : إِنْ الذَّهَبُ رَخِيصًا (tidaklah emas itu mahal)

Tidak disyaratkan subjek dan predikatnya indifinit seperti syarat مَا الْحِجَازِيَّةِ

2.5.4 Huruf لَا

2.5.4.1 Pengenalan

Huruf لَا merupakan huruf nafi, ulama' nahu bersependapat mengatakan bahawa ia terbentuk dari dua perkataan لَا النَّافِيَةِ dan التَّاءُ bagi menjadikannya perkataannya mu'annath pada lafaz dan menguatkan makna sepertimana perkataan رَبَّتْ , ثَمَّتْ التَّاءُ berkasuk akusatif kerana bertemu dua yang berkasuk sukun. Para ulama nahu Arab

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyaḥ Fi al-Nahw Wa al-Taṣri:f hlm 98

² Surah al-A'ra:f ayat 194

menambah lagi bahawa ia berfungsi sebagaimana **لَيْسَ** yang digunakan khusus untuk menafikan **الْحَيْنُ** yang ditambah selepasnya .

Contoh :

﴿ كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِّنْ قَرْنٍ فَنَادُوا وَلَّاتَ حِينَ مَنَاصٍ ﴾¹

Terjemahan :

(Tidakkah mereka menyedari) berapa banyak umat-umat yang ingkar yang terdahulu dari mereka, Kami binasakan? Lalu mereka meminta pertolongan, padahal saat itu bukanlah saat meminta pertolongan (melepaskan diri dari azab).

Andaian ayat : وَلَّاتَ الْحَيْنُ حِينَ مَنَاصٍ

Perselisihan pendapat tentang penambahan **التَّاءُ** pada perkataan **لَا** oleh ahli nahu tidak akan berakhir kerana orang Arab dahulu menggunakan **لَاتَ** dan **لَا** secara berasingan dan tidak menyebut yang mana satu merupakan asal.²

2.5.4.2 Fungsi dan makna huruf **لَاتَ**

Ia digunakan untuk penafian makna predikat untuk waktu semasa. Asal huruf **لَاتَ** ialah **لَا** kemudian ditambahkan **تَاءُ التَّائِيثِ** untuk menjadikan lafaz feminin dengan makna melampau. Digunakan berfungsi sebagaimana **لَيْسَ**. Syarat ia berfungsi juga sama sebagaimana **مَا الْحِجَازِيَّةُ** yang tidak diiringi selepas huruf ini dengan **إِنْ** serta ditambah lagi dengan tiga syarat yang lain :³

1. Subjek dan predikatnya mestilah kata nama *zama:n*⁴
2. *Diḥadhafkan* salah satu antara subjek dan predikat, biasanya subjek.

¹ Surah Ṣa:d ayat 3

² Al-Naḥw al-Wa:fiy jld 1 hlm 604

³ Al-Naḥw al-Wa:fiy jld 1 hlm 605

⁴ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyat Fi al-Naḥw Wa al-Taṣri:f hlm 373

3. Apa yang terungkap samada subjek ataupun predikat, mestilah indifinit.

Contoh :

لَا تَ الْحَيْنُ حِينَ سَهْوٍ (Bukanlah sekarang ini waktu lalai)

Fleksi

لَا تَ : Huruf nafi *mabniy*, tiada tempat fleksi

الْحَيْنُ : Subjek nominatif difinit

حِينَ : Predikat akusatif indifinit

سَهْوٍ : *Muda:filaih*

2.5.5 Huruf لَمْ

2.5.5.1 Pengenalan

Huruf nafi لَمْ merupakan huruf nafi yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan dan menukarkan aspek masa kepada kala lampau. Al-Mura:diy (1992)¹ menyatakan bagi huruf nafi لَمْ ada tiga bahagian :

1. Bahagian yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Ini bahagian yang masyhur.

Contoh firman Allah : ﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ﴾²

Terjemahan :

Ia tidak beranak dan Ia pula tidak diperanakan

2. Bahagian yang menominatitkan kata kerja kala kini/depan. Bacaan nominatif kata kerja kala kini/depan selepas huruf nafi لَمْ adalah bacaan suatu kaum dari kalangan orang Arab. Sesetengah ahli nahu yang lain pula berpendapat ianya adalah kerana bacaan keperluan syair (ضُرُورَةٌ شِعْرِيَّةٌ).

¹ Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 266

² Surah al-Ikhla:s ayat 3

Contoh bait syair : لَوْلَا فَوَارِسُ مِنْ نُعْمٍ وَأُسْرَتُهَا * يَوْمَ الصُّلَيْفَاءِ لَمْ يُوفُونَ بِالْجَارِ

Terjemahan :

Alangkah eloknya jika tentera-tentera berkuda itu memberikan kebaikan dan juga pada keluarga mereka pada hari Sulaiifa' maka tidaklah mereka memenuhinya dengan melindunginya.

3. Bahagian yang mengakusatifkan kata kerja kala kini/depan. Al-Lihya:niy menceritakan bahawa ada sesetengah orang Arab mengakusatifkan kata kerja kala kini/depan selepas huruf لَمْ. Ibnu Ma:lik¹ menyatakan sesetengah orang yang mendakwa bacaan akusatif kata kerja kala kini/depan selepas huruf لَمْ adalah merupakan bacaan suatu bahasa bagi memuliakan bacaan sesetengah ulama' yang terdahulu membacakan ayat di bawah dengan bacaan akusatif "حاء"

Firman Allah : ﴿ أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴾²

Terjemahan :

Bukankah kami telah melapangkan bagimu, dadamu (wahai Muhammad)?

2.5.5.2 Fungsi dan makna huruf لَمْ

Ia merupakan huruf nafi memberi maksud kala lepas. Fungsinya menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Jika kamu kata قَدْ فَعَلَ (*telah lakukan*) penafiannya لَمْ يَفْعَلَ ((*telah*) *tidak lakukan*) menafikan ia telah berlaku.

Al-Zamakhshariyy : لَمْ يَفْعَلَ menafikan فَعَلَ , boleh juga dimasukkan

³ الهمزة الإستفهامية seperti firman Allah :

﴿ أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴾⁴

Terjemahan :

Bukankah kami telah melapangkan bagimu, dadamu (wahai Muhammad)?

¹ Syarh al-Ka:fiyaṭ asy-Sya:fiyaṭ jld 3 hlm 1576

² Surah al-Insyira:h ayat 1

³ Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun'at al-I'ra:b 393

⁴ Surah al-Insyira:h ayat 1 dan 2

Huruf **لَمْ** hanya disertakan bersama kata kerja kala kini/depan.¹

Si:bawayh berpendapat² :

| Jika berkata | Makna ayat | Penafiannya | Makna Ayat |
|--------------|--------------------------|---------------|--------------------------------|
| فَعَلَّ | <i>Dia telah lakukan</i> | لَمْ يَفْعَلْ | <i>Dia telah tidak lakukan</i> |

Jadual 4

Ada juga ketika **لَمْ** disertakan dengan kata nama seperti **لَمْ زَيْدًا أَضْرِبُهُ** (*tidak Zaid aku pukul*). Ayat ini boleh dikatakan juga **لَمْ أَضْرِبْ زَيْدًا** (*aku tidak pukul Zaid*)

Keterangan : Ayat di atas dibolehkan kerana ada gantinama *gha:'ib* bersama kata kerja yang kembali kepada pelaku. Sebenarnya huruf **لَمْ** dalam ayat ini juga mendepani kata kerja kala kini/depan dan menafikannya. Petunjuk jelas ialah kata kerja yang *majzum* yang dijazmkan oleh huruf **لَمْ**.

Boleh disertakan partikel *syarṭ* dengan **لَمْ** tetapi dengan tulisan yang terpisah seperti **وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ** (*sekiranya kamu tidak lakukan maka kamu tidak sampaikan pesannya (kala lepas)*)

Kata kerja yang dinafikan menunjukkan tiga keadaan penafian :

1. Penafian dengan huruf **لَمْ** diharuskan berkait langsung dengan peristiwa semasa yang berlaku.³

Firman Allah : ﴿ **وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا** ﴾⁴

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyaṭ Fi al-Naḥwi Wa al-Taṣri:f hlm 388

² Al-Kita:b Li Si:bawaih jld 3 hlm 117

³ Syarḥ Syuzu:r al-Zahab jld 2 hlm 591

⁴ Surah Maryam ayat 4

Terjemahan :

Aku (wahai Tuhanku) tidak pernah merasa hampa dengan do'a permohonanku kepadaMu.

Keterangan : Huruf *لَمْ* telah mengubah maksud kala kini/depan menjadi kala lampau. Ungkapan “*tidak pernah merasa hampa*” telahpun berlaku dan ia berkait secara langsung dengan waktu kejadian semasa. Perasaan hampa itu secara langsung dinafikan pada masa itu juga.

2. Diharuskan tidak berkait secara langsung dengan waktu kejadian semasa

Firman Allah : ﴿ *لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا* ﴾¹

Terjemahan :

Tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut,

Keterangan : Huruf *لَمْ* telah mengubah maksud kata kerja kala kini/depan menjadi kala lampau. Ungkapan “*Tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut (janin manusia)*” telahpun menjadi benda yang disebut-sebut (*setelah menjadi manusia*) keadaan ini berlaku dan ia tidak berkait lagi dengan waktu kejadian. Masa berlaku kedua-dua keadaan ini telahpun disebut-sebut.

¹ Surah al-Insan ayat 1

3. Kadangkala penafian لَمْ menafikan secara berterusan.

Firman Allah : ﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾¹

Terjemahan :

Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan: "Dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya."

Keterangan : Huruf لَمْ telah mengubah maksud kata kerja kala kini/depan menjadi kala lampau. Dalam ayat di atas penafian Allah s.w.t beranak dan diperanakkan serta menyerupainya adalah penafian yang berterusan selama-lamanya.

2.5.6 Huruf لَمَّا

2.5.6.1 Pengenalan

Huruf لَمَّا tidak hanya digunakan untuk penafian sahaja. Huruf لَمَّا mengandungi beberapa makna dan kegunaannya, antaranya :

1. لَمَّا sebagai partikel *istithna:*' dengan makna إِلا mendepani ayat nominal.

Contoh : ﴿إِنَّ كُلَّ نَفْسٍ لَمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ﴾²

Terjemahan :

Tiada sesuatu diri juapun melainkan ada malaikat yang menjaga keadaannya (serta menyimpan catatan mengenai segala bawaannya)

2. لَمَّا sebagai *zorfiyyat* dengan makna الْحِينَ

Contoh : ﴿فَلَمَّا نَجَّكُمُ إِلَى الْبَرِّ أَعْرَضْتُمْ﴾³

Terjemahan :

Maka apabila Allah selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tadah tidak mengingatiNya

¹ Surah al-Ikhlāṣ ayat 3 dan 4

² Surah al-Tariq ayat 4

³ Surah al-Isra:’ ayat 67

2.5.6.2 Fungsi dan makna huruf لَمَّا

Huruf لَمَّا dikhususkan untuk kata kerja kala kini/depan dan ia sama seperti لَمْ dari sudut huruf, penafian, jazm dan menukarkan makna kata kerja kala kini kepada makna kala lampau. Juga dibolehkan untuk disertakan bersama-samanya *hamzat al-istifha:m*.

Contoh : أَلَمَّا أَحْسِنَ إِلَيْكَ

Terjemahan : *Adakah aku belum berbuat baik pada kamu ?*

Keterangan : أَلَمَّا huruf nafi dan *istifha:m*, *jazm* dan mengubah makna kepada kala lepas.

Huruf لَمَّا berada dalam keadaan tunggal¹ pada empat keadaan :

1. Harus digugurkan kata kerja yang *majzu:m* dan diberhentikan padanya dengan pilihan samada berhenti ataupun menyambung perkataan

Contoh : قَرَّبَ خَالِدٌ مِنَ الْمَدِينَةِ وَلَمَّا (يَدْخُلُهَا بَعْدُ)

Terjemahan : *Khalid menghampiri bandar dan dia belumpun (masuk lagi)*

2. Harus dijangkakan terjadi makna perkataan yang dijazamkan.

Contoh : بَلْ لَمَّا يَدُوقُوا عَذَابًا (سَوْفَ يَدُوقُونَهُ)

Terjemahan : *Bahkan mereka belum merasai azab (akan merasainya)*

Keterangan : Dari itu adalah dilarang mengatakan : لَمَّا يَجْتَمِعُ ضِدَّانِ (bahkan belum berhimpun dua perkara yang berlawanan) kerana sesuatu yang berlawanan tidak akan berhimpun sampai bila-bila.

3. Wajib dikaitkan dengan peristiwa semasa dengan penafian seperti kata syair :

Contoh bait syair : فَإِنْ كُنْتُ مَا كُولًا فَكُنْ خَيْرَ آكِلٍ ... وَإِلَّا فَأَدْرِكُنِي وَلَمَّا أَمَزَّقِ

¹ Tidak disertakan padanya huruf *istifha:m* (أَلَمَّا)

Terjemahan :

Sekiranya kamu ialah benda yang dimakan(harta peliharaan) maka jadilah sebaik-baik pemakan (memberi makan kepada orang fakir miskin) dan jika tidak, carilah aku sebelum aku koyak-koyakkan.

Keterangan : Perbuatan “koyak” adalah peristiwa yang berlaku semasa bersama-sama ketika ia dinafikan.

4. Tidak bersambungan dengan huruf *syarf* :

Contoh : Menjadi kesalahan jika berkata إِنْ لَمَّا تَقُمْ (jika kamu belum lagi bangun) tetapi إِنْ لَمْ تَقُمْ (jika kamu tidak bangun)

2.5.7 Huruf كَنْ

2.5.7.1 Pengenalan

Huruf كَنْ merupakan huruf nafi, akusatif dan menunjukkan kala kini/depan. Ia bermaksud nafi seperti السين dan سوف dalam ayat *muthbat*. Digunakan untuk menegaskan penafian.¹

Contoh firman Allah :

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاستَمِعُوا لَهُ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُ وَإِنْ يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنْقِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ ﴾²

Terjemahan :

Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya)

¹ Ja:mi' al-Duru:s al-'Arabiyaṭ jld 2 hlm 169

² Surah al-Ḥajj ayat 73

Keterangan : Dalam contoh ayat di atas, pengertian ayat menunjukkan pengertian “*ta’bi:d*”. Pengertian ini bukannya datang dari penggunaan huruf nafi كَنْ. Makna “*ta’bi:d*” datang dari petunjuk luaran iaitu kekuasaan Allah kerana hak penciptaan merupakan hak mutlak Allah s.w.t.

2.5.7.2 Fungsi dan makna huruf كَنْ¹

Dengan membawa pendapat Al-Khali:l² bahawa كَنْ adalah berasal dari dua perkataan لَ dan أَنْ الْمَصْدَرِيَّة³ tetapi orang Arab telah memadamkannya kerana kekerapan dalam percakapan. Pendapat ini sama dengan pendapat Al-Ghala:yiniy serta berhujah bahawa أَنْ الْمَصْدَرِيَّة inilah yang berfungsi mengakusatifkan kata kerja kala kini/depan.⁴ Al-Farra:’ menambah lagi dengan berkata bahawa نون adalah yang telah diganti dari ألف dalam perkataan لَ⁵. Pendapat yang kuat adalah seperti dinyatakan oleh Si:bawayh bahawa ia adalah asal.⁶ Pendapat ini disokong oleh al-Ima:m Aḥmad bin ‘Abd al-Nu:r Al-Malaqiy kerana penggabungan perkataan merupakan cabang dan tidak perlu kepada pendakwaan melainkan dengan dalil yang kuat.⁷

Dalam hal ini mazhab Al-Khalil adalah ditolak dan menyatakan sekiranya ia merupakan penggabungan لَ dan أَنْ maka tidak seharusnya didahulukan antara *ma‘mu:l* dan *ma‘mu:l ‘alaihi* sebaliknya كَنْ mengharuskannya seperti زَيْدًا كَنْ أَضْرِبَ⁸. Ini menunjukkan bahawa كَنْ bukan dari penggabungan huruf لَ dan اِنْ. Menurut Al-Zamakhshariyy كَنْ berfungsi sebagai huruf nafi untuk kala kini/depan dan mentaukidkan apa yang dinafikan sebelumnya oleh لَ.⁹

¹ Mu‘jam Qawa’id al-‘Arabiyat Fi al-Naḥwi Wa al-Taṣri:f hlm 390

² Kita:b al-‘Ain jld 4 hlm 103

³ Kita:b Ma’a:niy al-Huru:f hlm 100

⁴ Ja:mi‘ al-Durus al-‘Arabiyat, jld 2 hlm 169

⁵ Ham‘u al-Hawami‘ jld 2 hlm 286

⁶ Al-Kita:b jld 3 hlm 5

⁷ Raṣf al-Maba:niy hlm 355

⁸ Sirr Ṣina:‘at al-I‘ra:b jld 1 hlm 306

⁹ Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun‘at al-I‘ra:b hlm 393

Contoh : لَا أَبْرَحُ الْيَوْمَ مَكَانِي (aku tidak meninggalkan tempatku hari ini) ayat ini apabila ditaukidkan dan diperkuatkan menjadi لَنْ أَبْرَحَ الْيَوْمَ مَكَانِي (aku tidak akan meninggalkan tempatku hari ini)

لَنْ merupakan huruf penafian kepada ayat سَوْفَ يَفْعَلُ (akan lakukan) – لَنْ يَفْعَلُ (tidak akan lakukan).¹ Ahli nahu berpendapat لَنْ tidak memberi maksud *tawki:d* penafian mahupun *ta'bi:d*.² Al-Mayda:niy (1996)³ berpendapat bahawa adalah benar jika لَنْ memberi maksud *tawki:d* penafian tetapi tidak bersetuju dengan *ta'bi:d*. Ini adalah kerana terdapat banyak nas yang ada huruf لَنْ tidak ada asas yang menunjukkan *ta'bi:d*. Manakala *tawki:d* pula, huruf لَنْ menunjukkan penambahan pada lafaz لَا dan menjadi *tawki:d* padanya. Pendapat ini disokong oleh Abdul Ghaniy al-Daqqur (1986)⁴ dengan menunjukkan dalil al-Quran :

﴿ فَلَنْ أَكَلِمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا ﴾⁵

Terjemahan :

Maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dari kalangan manusia pada hari ini.

Keterangan : Kalimah الْيَوْمَ (hari ini) telah menafikan *ta'bi:d*.⁶

لَنْ ialah huruf penafian yang diguna untuk menegaskan kata kerja kala kini/depan. Ini adalah kerana ia seperti jawapan kepada pertanyaan bagi sesiapa yang berkata : سَيَفْعَلُ (dia akan lakukan) dalam hal positif dan negatif dengan لَنْ يَفْعَلُ (dia tidak akan lakukan).

¹ Kita:b Ma'a:niy al-huru:f hlm 100

² Tidak terdapat dakwaan ini dalam kitab Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun'aṭ al-I'ra:b sebagaimana dakwaan Ibnu Ma:lik, Al-Mayda:niy dan lain-lain ulama' nahu bahawa Az Zamakhsyariy mengatakan لَنْ digunakan dengan makna *ta'bi:d*

³ Al-Bala:ghaṭ Al-'Arabiyaṭ : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 209

⁴ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyaṭ Fi al-Naḥw Wa al-Taṣri:f hlm 390

⁵ Surah Maryam 26

⁶ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyaṭ Fi al-Naḥw Wa al-Taṣri:f hlm 390

Si:bawayh menyatakan¹ :

| Jika berkata | Makna ayat | Penafiannya | Makna Ayat |
|--------------|--|-------------|--|
| سوف يفعل | <i>Dia akan melakukannya nanti</i> | لَنْ يفعل | <i>Dia akan melakukannya nanti</i> |

Jadual 5

2.6 KESIMPULAN

Setelah kita mengetahui tentang fungsi dan makna, kita akan dapati setiap satu dari huruf nafi yang telah dibincangkan mempunyai kepentingan tersendiri. Penggunaan huruf nafi yang betul adalah amat penting agar ia bertepatan dengan maksud yang hendak dinyatakan. Setiap ayat penafian yang disertai dengan huruf nafi mestilah menggunakan huruf yang bersesuaian menurut garis panduan kaedah tatabahasa Arab.

Daripada tujuh huruf nafi yang dibincangkan, empat daripadanya berfungsi dengan fungsi sebagaimana *لَيْسَ* seperti *لَا – مَا – إِنَّ* dan *لَا ت* serta berfungsi sebagaimana *إِنَّ* seperti *لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ* apabila mendepani ayat nominal dengan memenuhi syarat-syarat kefungsiannya. Jika tidak memenuhi syarat-syarat kefungsiannya maka ia tidak mengubah kasus perkataan yang dinafikan (*manfiyyat*). Huruf *مَا* dan *لَا* juga tidak berfungsi mengubah kasus kata kerja selepasnya serta mempengaruhi makna dari sudut masa.

Selain kefungsiannya seperti yang dinyatakan di atas, huruf nafi *لَمْ* dan *لَمَّا* berfungsi untuk menafikan kata kerja kala kini/depan, menjazamkannya dan mengubah faktor masa kata kerja kala kini/depan kepada makna kala lampau. Sementara *لَنْ* berfungsi menafikan

¹ Al-Kita:b jld 3 hlm 117

kata kerja kala kini/depan dengan maksud penafian kala kini/depan, serta mengakusatifkannya.

Setelah memahami kesemua fungsi dan makna, diharapkan dengan penjelasan, keterangan serta contoh-contoh yang dikemukakan, ia akan dapat memudahkan pemahaman kepada pembaca teks Arab dan memudahkan pelajar bagi memilih huruf yang sesuai dalam menyusun ayat serta dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki dengan tepat.